

## Untuk Sebaran Segera

\*\*\*Untuk menonton video utama dan memuat turun rakaman asal:

<http://youtu.be/Wnl8RVYz9bw>

## Malaysia: Mahkamah akan memutuskan Hak Golongan Transgender

*Undang-Undang Tempatan Menggalakkan Diskriminasi, Keganasan*

(Bangkok, 13 Mei 2014) – Mak nyah di [Malaysia](#) telah memfailkan satu kes mahkamah pertama bagi menyemak semula undang-undang yang melarang mereka daripada mengekspresikan identiti jantina mereka, kata [Human Rights Watch \(HRW\)](#) hari ini. Pada 22 Mei 2014, Mahkamah Rayuan Putrajaya dijangka untuk mendengar satu semakan kehakiman tentang keselarian undang-undang tersebut dengan Perlembagaan Persekutuan. Seperti mana yang kita sedia maklum, apa-apa undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan seharusnya tidak boleh diguna pakai, memandangkan Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang tertinggi di Malaysia.

Tiga Mak Nyah dari Negeri Sembilan telah meminta mahkamah untuk membatalkan sebuah undang-undang negeri yang melarang “mana-mana lelaki daripada memakai pakaian wanita atau menyerupai wanita di mana-mana tempat awam.” Undang-undang ini telah digunakan berulang kali untuk menangkap Mak Nyah. Ketiga-tiga pempetisyen, walaupun mengenal pasti diri mereka sebagai perempuan, tetapi masih dikategorikan sebagai "lelaki" dalam kad pengenalan kebangsaan mereka, telah ditahan semata-mata kerana mereka berpakaian pakaian yang dianggap oleh pegawai-pegawai agama sebagai pakaian "perempuan."

“Di bawah undang-undang sebegini yang mendiskriminasi Mak Nyah di peringkat negeri, Mak Nyah di Malaysia menghadapi risiko untuk ditahan setiap hari hanya kerana menjadi diri mereka sendiri,” kata [Neela Ghoshal](#), penyelidik kanan tentang [hak-hak lesbian, gay, bisexul dan transgender \(LGBT\)](#) di Human Rights Watch. "Kerajaan tidak boleh mengganggu dan menghukum golongan transgender hanya kerana menjalani kehidupan mereka secara aman."

Penyelidikan Human Rights Watch yang dijalankan pada bulan Januari di empat negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati bahawa pegawai-pegawai jabatan agama negeri serta polis mendedahkan Mak Nyah kepada pelbagai penyalahgunaan kuasa, termasuk serangan seksual dan fizikal, pemerasan, dan pelanggaran hak peribadi.

Kebanyakan yang ditahan dikenakan denda yang tinggi dan dipaksa untuk melalui sesi "kaunseling" di mana pegawai-pegawai dari Jabatan Agama Islam negeri memberi syarahan kepada mereka untuk "menjadi seorang lelaki." Sementara itu, terdapat juga sebilangan yang lain telah dikenakan hukuman penjara.

Penagut Islam, yang meenurut statistik kerajaan membentuk kira-kira 60 peratus daripada penduduk Malaysia, tertakluk kepada ordinan kesalahan Syariah (undang-undang Islam) peringkat negeri, sebagai tambahan kepada undang-undang jenayah persekutuan. Setiap Jabatan Agama Islam negeri menguatkuasakan undang-undang syariah. Undang-undang syariah di semua 13 negeri di Malaysia melarang "lelaki" beragama Islam daripada berpakaian seperti

"wanita." Undang-undang tidak menerangkan apa yang menentukan seseorang itu lelaki, juga tidak menyebut apa yang sebenarnya dianggap sebagai pakaian wanita.

Sesetengah negeri melarang memakai pakaian wanita atau "berlagak sebagai seorang wanita" hanya apabila ia adalah untuk "tujuan tidak bermoral," manakala di negeri-negeri lain pengharaman itu adalah mutlak. Penalti berbeza mengikut negeri: di Negeri Sembilan, pesalah yang disabitkan di bawah seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah 1992 boleh dihukum sehingga enam bulan penjara dan denda sehingga 1,000 ringgit (US \$ 325). Tiga negeri juga menyifatkan sebagai jenayah "perempuan berlagak sebagai lelaki," walaupun Human Rights Watch tidak mendokumenkan kes-kes di mana lelaki transgender telah ditahan di bawah undang-undang ini.

"Orang ramai yang disabitkan kerana sesuatu yang mereka tidak memilih dan tidak boleh berubah –ia serupa dengan menghukum seseorang kerana warna kulit mereka," kata peguam pemohon, Aston Paiva, memberitahu Human Rights Watch. "Ini adalah isu hak sivil. Ia mengenai menggugat maruah seseorang, dan merendahkan nilai dan menjatuhkan maruah mereka kerana siapa diri mereka. "

Pemohon-pemohon pada mulanya mencabar kesahihan undang-undang negeri dengan Mahkamah Tinggi Negeri Sembilan pada Februari 2011. Hakim Mahkamah Tinggi menolak permohonan mereka pada Oktober 2012 dengan sebab bahawa pempetisyen, sebagai seorang Islam, adalah tertakluk kepada undang-undang Syariah dan peruntukan itu bertujuan melindungi kebebasan asas oleh itu tidak relevan.

Nisha Ayub dari Justice for Sisters seorang aktivis kumpulan transgender, memberitahu Human Rights Watch: "Ini merupakan kes yang sangat penting bagi semua Mak Nyah di Malaysia. Mahkamah mempunyai peluang untuk menjelaskan bahawa kita berhak ke atas hak perlembagaan yang sama seperti rakyat Malaysia yang lain."

Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa menolak permohonan Mak Nyah untuk menukar jantina mereka secara sah dalam kad pengenalan mereka. Hal ini meningkatkan lagi risiko bagi golongan Mak Nyah beragama Islam untuk ditahan berulang kali. Seorang Mak Nyah memberitahu Human Rights Watch yang dia pernah ditahan lebih daripada 20 kali. Undang-undang yang samar ini gagal mendefinisikan pakaian perempuan telah menyebabkan beberapa Mak Nyah ditahan hanya kerana gaya rambut atau – seperti dalam kes Mak Nyah yang menjalani terapi penggantian hormon – kerana mereka mempunyai payudara, walaupun mereka memakai pakaian yang dikatakan maskulin.

Pegawai-pegawai jabatan agama negeri didapati melakukan keganasan fizikal atau seksual ke atas Mak Nyah semasa penahanan, seperti meraba bahagian kemaluan tahanan atau memukul mereka. Walaupun beberapa Mak Nyah telah membuat laporan polis selepas kejadian sebegini, polis gagal untuk menahan pegawai-pegawai jabatan agama yang boleh disabitkan melanggar undang-undang. Mak Nyah selalunya ditahan dalam penjara bersama lelaki, di mana mereka terdedah kepada keganasan seksual berterusan di tangan warden atau tahanan lain.

Mak Nyah memberitahu Human Rights Watch bahawa polis kadangkala terlibat secara langsung dalam tahanan. Sebagai contoh, dalam sesetengah kes berdasarkan peruntukan yang samar dalam kod jenayah persekutuan (undang-undang sivil) yang melarang "perlakuan sumbang." Polis juga

mengiringi pegawai-pegawai jabatan agama dalam serbuan terhadap golongan Mak Nyah beragama Islam. Kadang-kadang, polis menahan Mak Nyah beragama Islam atas inisiatif sendiri semata-mata untuk tujuan pemerasan. Beberapa orang memberitahu Human Rights Watch bahawa apabila Mak Nyah menentang cubaan polis untuk meminta rasuah daripada mereka atau apabila mereka tidak dapat membayar polis, mereka akan diserahkan kepada pihak berkuasa agama negeri.

“Penyalahgunaan kuasa pihak berkuasa Malaysia terhadap Mak Nyah adalah pencabulan ke atas maruah diri dan merupakan pelanggaran hak asasi mereka,” jelas Ghoshal. “Adalah amat menakutkan untuk mendengar pegawai-pegawai jabatan agama yang mengarahkan Mak Nyah untuk melucutkan pakaian di depan kamera, menyentuh dan merasa bahagian kemaluan mereka, serta menumbuk mereka.”

Undang-undang Malaysia yang melarang “cross dressing” atau memakai pakaian yang “bertentangan” dengan gender seseorang, adalah berlawanan dengan hak untuk tidak didiskriminasi, privasi, dan kebebasan bersuara dan bergerak yang diperakui oleh Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia, yang mana turut mencerminkan undang-undang antarabangsa. Layanan buruk terhadap Mak Nyah oleh pihak berkuasa jabatan agama dan pihak polis menyalahi perlindungan undang-undang antarabangsa yang melarang penahanan sewenang-wenangnya, layanan kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah seseorang. Kebanyakan perlindungan undang-undang antarabangsa turut termaktub dalam perlembagaan persekutuan Malaysia, seperti hak kebebasan bersuara (artikel 10), perlindungan sama rata (artikel 8), dan kebebasan bergerak (artikel 9).

Seorang pegawai daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang bercakap kepada Human Rights Watch dengan syarat tidak mahu namanya disiarkan, mengakui bahawa, “Menahan atau menghukum sesiapa pun tidak akan boleh mengubah mereka.” Walau bagaimanapun, jabatan ini terus membisu terhadap penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh jabatan-jabatan agama negeri.

Satu laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, yang dihantar sebagai sebahagian affidavit oleh [Yayasan PT](#), sebuah organisasi kesihatan bukan kerajaan di Malaysia menjelaskan bahawa undang-undang melarang dan mengawal pemakaian seseorang membawa kesan negatif kepada advokasi berkenaan [HIV/AIDS](#) kerana undang-undang ini menindas komuniti transgender, yang dianggap sebahagian salah satu populasi paling berisiko untuk jangkitan HIV.

Jika rayuan ini gagal, Pemohon boleh membawa kes mereka kepada mahkamah persekutuan, mahkamah rayuan tertinggi negara.

“Jika pendengaran mahkamah rayuan berjaya, dan mereka ini dibenarkan untuk menjadi diri mereka, ia akan menjadi kejayaan kepada rakyat Malaysia untuk akhirnya melihat keadilan ditegakkan,” kata Ratna Osman, pengarah eksekutif [Sisters in Islam](#), sebuah organisasi yang terletak di ibu negara, Kuala Lumpur. “Keputusan itu akan bertepatan dengan Perlembagaan, dan juga prinsip-prinsip asas Islam untuk menegakkan maruah manusia.”

## **Latar belakang: Status Perundangan Golongan Transgender di Malaysia**

Golongan transgender perempuan, yang dikenali sebagai *mak nyah* dalam Bahasa Malaysia, telah lama dikenali dalam masyarakat tradisional Malaysia, seperti yang terkandung dalam *Mak Nyah: Lelaki Kepada Wanita Transeksual Malaysia*, sebuah buku yang diterbitkan pada tahun 2002 oleh Teh Yik Koon, seorang pakar jenayah Malaysia. Pada awal 1980-an, sekumpulan doktor Malaysia yang bekerja di sebuah hospital awam menjalankan pembedahan penggantian semula jantina bagi sebilangan golongan transgender. Mak Nyah tersebut kemudiannya dikatakan dapat menukar tanda jantina mereka pada kad pengenalan mereka daripada lelaki kepada wanita.

Walaupun bagaimanapun, peningkatan fahaman Islam konservatif membawa kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 1983 untuk mengeluarkan fatwa yang mengharamkan pembedahan tersebut. Walaupun fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tidak membawa kuasa undang-undang, para doktor Malaysia berhenti menjalankan prosedur tersebut. Semnejak itu, Jabatan Pendaftaran telah menolak berpuluh-puluh permintaan daripada golongan transgender untuk menukar tanda nama dan jantina mereka dalam kad pengenalan mereka. Peromhongan ini termasuklah mereka yang menjalani terapi penggantian hormon atau mereka yang telah menjalani pembedahan penggantian jantina di luar Malaysia – selalunya di negara jiran Thailand – menyebabkan mereka terumbang-ambing dari segi undang-undang.

## **Penyalahgunaan Kuasa di bawah Undang-Undang “Lelaki Berlagak Seperti Perempuan” Malaysia**

### *Keganasan Seksual*

Victoria, seorang Mak Nyah di Seremban, ibu negeri Negeri Sembilan melaporkan bahawa dia diganas secara seksual oleh pegawai-pegawai jabatan agama apabila mereka menahannya pada 2011 di bawah Seksyen 66, lelaki berlagak seperti perempuan. Victoria memberitahu Human Rights Watch:

Mereka sangat kasar. Salah seorang daripada mereka memicit buah dada saya. Saya berasa sangat malu... Mereka melucutkan pakaian saya sepenuhnya. Salah seorang daripada mereka mengambil baton polis dan mencucuk kemaluan saya. Semua orang melihat saya dalam keadaan sebegini – lelaki-lelaki itu [pegawai-pegawai jabatan agama] selain juga wanita. Mereka mengambil gambar bogel saya.

Mereka melayan saya seperti binatang. Saya berkata “Mengapa kamu melayan saya seperti binatang? Saya juga manusia biasa. Saya juga diciptakan oleh Tuhan.”

Adik, seorang lagi Mak Nyah di Seremban, telah ditahan dan diserang secara seksual oleh pegawai-pegawai jabatan agama pada awal 2012, kerana mereka curiga dengan tubuh badannya:

Saya ditahan tetapi tidak dibawa ke jabatan agama. Mereka menyentuh saya, meraba saya, dan kemudian melepaskan saya pergi. Ia bukanlah satu serbuan rasmi. Mereka hanyalah meronda di dalam sebuah kereta... Mereka meletakkan saya di bahagian belakang kereta, di antara mereka. Sementara [kedua-dua mereka] sedang menyentuh buah dada saya dan memegangnya, mereka bertanya “Bagaimana kamu buat benda ini?” Mereka membawa saya sekitar setengah jam sebelum mereka melepaskan saya.

### *Keganasan Fizikal*

Serafina, seorang Mak Nyah di Seremban, memberitahu Human Rights Watch bahawa pada Mei 2010, pegawai-pegawai jabatan agama, menjalankan serbuan waktu malam, menangkapnya berpakaian pakaian tidur di jalanan yang mana dikatakan terlalu feminin:

Mereka mengejar saya ke dalam hotel dan menarik saya. Mereka memukul saya, menumbuk muka saya, mencekik saya, dan memberitahu bahawa saya bersalah. Saya berasa pening dan pengsan. Salah seorang daripada mereka cuba memijak dada saya, tetapi saya diselamatkan oleh seseorang yang menarik saya keluar.

Nisha Ayub daripada Justice for Sisters menceritakan tentang sebuah lagi kes di Melaka di mana pegawai-pegawai jabatan agama menahan seorang Mak Nyah: “Mereka menendangnya, menumbuknya, sehinggakan dia terpaksa dimasukkan ke hospital, kerana dia mempunyai masalah hernia. Disebabkan oleh pukulan tersebut, dia terpaksa menjalani pembedahan.”

### *Pencabulan Hak Peribadi*

Pada 2012, pegawai-pegawai jabatan agama secara paksa masuk ke dalam rumah Izzati, seorang Mak Nyah di Seremban, sewaktu menjalankan serbuan tanpa waran. Izzati, yang merupakan seorang Kristian tidak tertakluk kepada undang-undang Syariah, sedang berada di depan bangunan apartmennya bersama tiga rakan transgender beragama Islam. Sewaktu pegawai-pegawai jabatan agama tiba dalam kejiranan itu, tiga rakan Izzati berada di tingkat atas apartmen dengan pincunya terkunci. Izzati kekal berada di bawah, di mana pegawai-pegawai tersebut berhadapan dengannya:

Kira-kira 10 pihak berkuasa agama ada di sana. Mereka datang dengan sebuah van, sebuah kereta, dan enam buah motosikal. Mereka memeriksa IC [kad pengenalan] saya dan melihat saya bukanlah beragama Islam. Mereka naik ke atas ke bilik saya kerana mereka [telah nampak] rakan-rakan saya menuju ke bilik saya. Mereka secara paksa mengambil kunci daripada beg tangan saya. Mereka menarik beg tersebut daripada saya, melihat ke dalamnya, menarik kunci keluar, dan membuka gril [di pintu depan]. Mereka naik ke atas, membuka pintu, mengambil gambar, dan menahan serta mendakwa tiga Mak Nyah beragama Islam yang berada di tingkat atas. Mereka didakwa untuk berpakaian perempuan .

### *Pemerasan*

Beberapa Mak Nyah memberitahu Human Rights Watch mereka diperas ugut sewaktu ditahan. Aisah telah ditahan oleh pegawai-pegawai jabatan agama di negeri selatan Johor pada 2010: “Salah seorang daripada mereka mengenali saya daripada kes sebelumnya dan meminta saya untuk memberi duit dan telefon bimbit saya. Kemudian dia melepaskan saya, dan memberi amaran kepada saya ‘Saya tidak mahu melihat muka kamu lagi selepas ini.’”

Pemerasan boleh berlaku bersama serangan seksual. Seorang kakitangan Persatuan Kemajuan Kesihatan Keluarga, sebuah organisasi kesihatan seksual dan peranakan di negeri utara Pulau Pinang yang bekerja dengan komuniti transgender, memberitahu Human Rights Watch manusia: “Penguatkuasaan undang-undang liwat adalah satu ancaman di sini. Tetapi bagi golongan transgender, undang-undang agama berkenaan berpakaian perempuan adalah risiko yang lebih

besar. Sesetengahnya memberi rasuah atau khidmat seksual apabila mereka ditahan – jadi risiko HIV meningkat.”

Leela, seorang pekerja kebajikan transgender di sebuah organisasi bukan kerajaan, telah ditahan oleh polis biasa di Kuala Lumpur pada tahun 2013. Dia percaya polis tersebut berniat untuk menakutkannya supaya dia memberi rasuah kepadanya:

Saya baru sahaja selesai bekerja, dan ingin membeli nasi lemak. Saya bukan membuat kerja seks, tetapi bekerja di sebuah tempat pekerjaan seks. Terdapat ramai anggota polis yang sentiasa menahan Mak Nyah yang melakukan kerja seks – mereka mahukan duit. Tiga orang daripada mereka mengepung saya. Saya berkata, “Apa yang saya telah buat?” Mereka mahu mendakwa saya di bawah undang-undang syariah kerana saya berpakaian perempuan walaupun mereka polis biasa.

Mereka membawa saya ke balai polis Chow Kit dan memasukkan saya ke dalam lokap. Seorang pegawai polis cuba menakutkan saya dengan mengatakan bahawa mereka akan membawa saya ke mahkamah Syariah. Saya berkata “hantarlah saya – saya tidak melakukan apa-apa kesalahan.” Saya rasa dia cuba menakutkan saya untuk mendapatkan duit, tetapi saya tahu akan hak saya. Dia memanggil seorang pegawai atasan, yang menyebut tentang undang-undang Syariah yang sama. Mereka tidak bercakap mengenai undang-undang sivil. Kebanyakan transgender, jika kamu tidak memberikan duit, mereka akan menghantar kamu ke mahkamah undang-undang Syariah. Selepas setengah jam dia membebaskan saya.

### *Penahanan Sebarangan*

Penguatkuasaan berkenaan undang-undang lelaki berlagak seperti perempuan adalah sememangnya dilakukan sewenang-wenang, menyebabkan Mak Nyah berisiko ditahan tanpa mengira mereka berada di tempat awam atau persendirian, dan tanpa mengira bagaimana mereka berpakaian atau bagaimana mereka bertindak.

Aisah, yang menjalani terapi penggantian hormon, merupakan seorang daripada 76 orang yang ditahan apabila pegawai-pegawai jabatan agama menyebu sebuah disko di Johor pada tahun 2009:

Satu perkara yang saya tidak faham – saya memakai baju T, seluar pendek dan selipar, dan mereka mendakwa saya dengan [menyerupai] wanita... Mereka mengambil kenyataan kami seorang demi seorang. Saya bertanya kepada mereka mengapa saya dituduh memakai pakaian wanita. Mereka menjawab, “Kerana awak mempunyai buah dada.”

Beka, seorang pekerja kebajikan transgender di organisasi yang menjalankan pencegahan HIV, telah ditahan di negeri Kedah kerana mengagihkan kondom. Pegawai-pegawai jabatan agama memberhentikannya dan menggeledah beg miliknya. Apabila mereka menjumpai kondom, mereka berkata mereka akan mendakwanya dengan pekerjaan seks. Walau bagaimanapun, apabila dia tiba di jabatan agama negeri, dia sebaliknya telah didakwa dengan tuduhan menyerupai wanita. Dia telah ditahan sebelum ini apabila memakai pakaian wanita, dia memberitahu, tetapi, “Saya tidak terlalu takut [akan didakwa] pada masa itu kerana saya hanya

memakai jeans dan baju t – tetapi mereka masih menuduh saya, walaupun saya tidak berpakaian seperti wanita pada hari itu.”

Penangkapan paling baru Beka, pada 2012, adalah ketika pertandingan ratu cantik – sebuah majlis persendirian, secara jemputan sahaja di sebuah hotel mewah di Kedah. Walaupun undang-undang di Kedah hanya terpakai ke atas berpakaian perempuan di tempat awam, pegawai-pegawai jabatan agama menyerbu majlis persendirian itu.

Serafina, seorang plaintif dalam kes di Negeri Sembilan, memberitahu Human Rights Watch bahawa pegawai-pegawai jabatan agama menahannya tiga kali pada tahun 2009. Selain pada masa dia memakai pakaian tidur yang dianggap terlalu feminin, dia juga telah ditahan semasa memakai baju t longgar dan seluar pendek tenis, tetapi dia mempunyai rambut panjang dan pengikat rambut di pergelangan tangannya.

### **Kesan Undang-Undang Lelaki berlagak seperti perempuan dan perempuan berlagak seperti lelaki terhadap golongan Transgender di Malaysia**

Undang-undang yang melarang “berlagak wanita” atau “berlagak lelaki” memberi kesan besar terhadap keupayaan golongan transgender di Malaysia untuk hidup dengan bebas, dan menyebabkan mereka hidup dalam ketakutan, sentiasa terdedah kepada ancaman penahanan dan layanan buruk. Undang-undang tersebut juga menghalang usaha-usaha pencegahan HIV dan menyumbang kepada diskriminasi dalam sektor awam dan juga swasta.

Nisha Ayub daripada Justice for Sisters mengatakan undang-undang tersebut menjadi satu penghalang bagi Mak Nyah mencari akses kepada keadilan apabila mereka menjadi mangsa keganasan: “Banyak komuniti trans menghadapi [keganasan], tetapi kebanyakan daripada mereka tidak mahu melaporkannya, kerana mereka rasa hanya kerana mereka golongan transgender, jadi mereka tidak dilindungi undang-undang.”

Beka, daripada Kedah, telah dipecat daripada kerjanya sebagai pelayan selepas dia ditahan kerana “berlagak seperti wanita” dan gambarnya muncul di halaman akhbar tempatan. “Pengurus saya tahu yang saya adalah *mak nyah*,” dia memberitahu Human Rights Watch. “Tetapi dia kecewa kerana saya muncul di dalam akhbar, jadi dia memecat saya.”

Tanusha memberikan komen mengenai undang-undang lelaki berlagak seperti perempuan dan perempuan berlagak seperti lelaki yang telah diluluskan pada 2012 di Pahang, negeri terakhir di Malaysia yang menambah statut tersebut di dalam undang-undang mereka: “Saya rasa tidak selamat. Kami bukanlah penjenayah – kami hanya memakai apa yang kami suka. Saya risau sekarang jika saya sedang berjalan, mereka akan menahan saya, tanpa saya melakukan sebarang jenayah. Ia sangat memberi kesan terhadap saya. Adalah tidak patut untuk ditahan hanya disebabkan oleh penampilan.”

Sulastri, seorang aktivis transgender di Kuala Lumpur, berkata: “Kerajaan perlu menerima kami seadanya. Jika mereka mahukan kami menyumbang kepada masyarakat di negara ini, mereka perlu memperakui kami secara sah. Kemudian stigma itu akan berkurangan.”